

NEWS CLIPPING – PRESS

		Date	Tue, 15 Aug 2023
Website	Bharian.com.my	No. of Pages	2
Section	Nasional		
Headline	Pusat teruskan projek di negeri pembangkang - Fahmi		
URL	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1140633/kerajaan-pusat-teliti-bantuan-projek-kepada-negeri-pembangkang-ikut		



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN **BISNES** RENCANA WANITA Hujung Minggu BH KAPSUL PRN 2023

PASARAN KORPORAT AUTO HARTANAH TEKNOLOGI USAHAWAN LAIN-LAIN (BISNES)

Pusat teruskan projek di negeri pembangkang - Fahmi



Gambar fail - Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil

Kerajaan akan membuat penelitian dari semasa ke semasa, berkaitan bantuan atau projek yang akan disalurkan kepada negeri yang kini diperintah parti pembangkang.

READ MORE

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata untuk projek di bawah kementeriannya, pihaknya tidak mempunyai masalah untuk meneruskan segala projek atau bantuan yang sudah diumumkan sebelum ini.

"Bagi Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), usaha kami termasuk di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) bagi mewujudkan satu Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN), kita akan teruskan dan ia tidak menjadi masalah.

"Saya percaya, kalau apa yang pernah disebut oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim), memang kita akan teliti kerana kita juga mahukan hubungan yang baik, rapatkan silaturahim dan kukuhkan ukhwah di antara kerajaan negeri dan Pusat.

"Jadi kita akan teliti mengenai perkara ini dari masa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perkhidmatan Pertahanan Digital Siber dan Keselamatan Asia (CyberDSA), di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang mahu membuka lembaran baharu antara Kedah dengan Kerajaan Persekutuan demi memastikan kesejahteraan di negeri itu.

Sanusi dilaporkan berkata, apa yang berlaku dalam tempoh berkempen itu tidak sepatutnya 'diambil hati' sehingga menjejaskan pembangunan di negeri yang ditadbirnya.

Beliau menegaskan, Kerajaan Persekutuan tidak seharusnya menghukum rakyat Kedah kerana memilih Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN), Sabtu lalu.

"Mana boleh macam itu (menghukum rakyat Kedah kerana memilih PN), ini demokrasi. Dalam politik berpuluh tahun sudah demokrasi.. kena faham demokrasi. Jangan hukum orang, kita beri rakyat memilih dan kemudian bila mereka buat pilihan, kita hukum pula mereka," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai kedudukan Presiden Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman di Parlimen sama ada akan diubah ke blok pembangkang kerana tidak menyokong Kerajaan Perpaduan dalam PRN lalu, Fahmi berkata, kerajaan masih berpegang pada kenyataan Ahli Parlimen Muar itu.

"Beliau (Syed Saddiq) pernah sebut sebelum ini, saya lihat belum ada perubahan pada kenyataan beliau. Jadi kita berpegang pada apa yang pernah disebutkan sebelum ini," katanya.

Julai lalu, Syed Saddiq menegaskan walaupun MUDA bersuara menentang pentadbiran Anwar dalam beberapa isu, beliau masih menyokong Kerajaan Perpaduan.

Malah Syed Saddiq turut mempertahankan kritikan pedasnya terhadap kerajaan dan menyatakan ia penting untuk membina demokrasi matang.